



Ketua Pengarah JKKP Sempena Tahun 2022

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Tuan/Puan yang dihormati,

Pada kesempatan ini, marilah kita memanjatkan kesyukuran kehadrat Allah SWT di atas limpah kurnia-Nya, kita dapat menyambut tahun baru 2022 dalam suasana selamat, sihat, dan harmoni walaupun masih berdepan dengan pandemik COVID-19 dan kesan banjir yang melanda sesetengah negeri. Alhamdulillah kita telah diberikan peluang untuk melaksana serta menuaikan amanah dan tanggungjawab kita bersama ke arah memastikan tempat kerja yang selamat dan sihat dengan menggunakan pendekatan norma baharu seperti yang terdapat di dalam prosedur operasi standard (SOP) semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Menyingkap tabir 2021 yang begitu mencabar, Alhamdulillah dengan izinNya dan kerjasama semua pihak serta komitmen tinggi pemegang taruh yang meliputi kerajaan, majikan dan pekerja, NGO serta pengamal KKP, Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025 atau dikenali sebagai OSHMP25 telah dilancarkan dengan jayanya oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri Malaysia pada 13 Oktober 2021 secara sepenuhnya dalam talian. Dalam ucaptamanya, Perdana Menteri antara lain menegaskan ‘Kesan tidak langsung akibat pengabaikan KKP, negara boleh mengalami kerugian sebanyak 4% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) setahun. Namun apa yang lebih diutamakan kerajaan ialah untuk mengelakkan kehilangan nyawa ahli keluarga Malaysia’.

OSHMP25 yang bertemakan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Inklusif: Kebersamaan dan Komitmen merupakan kesinambungan daripada dua pelan Induk KKP terdahulu iaitu OSHMP 15 (2011-2015) dan OSHMP20 (2016-2020). Ia menggariskan tujuh (7) Teras Strategi, 29 Program dan 82 Aktiviti.

OSHMP25 juga mensasarkan pencapaian kadar kematian pekerjaan diturunkan kepada 2.93 per seratus ribu pekerja, penurunan kadar kemalangan pekerjaan kepada 2.13 perseribu pekerja dan meningkatkan kesedaran melaporkan penyakit dan keracunan pekerjaan sebanyak 30% menjelang 2025.

Tuan/Puan yang dihormati,

Tahun 2021 juga menyaksikan detik bersejarah tersendiri setelah 26 tahun Akta Keselamatan and Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan 53 tahun Akta Kilang dan Jentera dikuatkuasakan.


Pada 13 Disember 2021, pindaan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514] dan pemansuhan Akta Kilang dan Jentera [Akta 139] telah diluluskan oleh Dewan Negara. Pindaan ini merupakan pindaan holistik kerana melibatkan pemansuhan Akta Kilang dan Jentera [Akta 139] dan mengintegrasikan sebahagian peruntukan Akta 139 yang relevan ke dalam pindaan Akta 514.

Berdasarkan model yang dicadangkan, prinsip Akta 514 yang berbentuk kendiri akan dikekalkan dan peruntukan-peruntukan yang kritikal (seperti kawalan ke atas jentera dan kilang) dalam Akta 139 dimasukkan ke dalam pindaan Akta 514. Gabungan kedua-dua prinsip ini menghasilkan suatu Akta yang berbentuk kendiri namun bagi isu-isu yang melibatkan penggunaan jentera-jentera berisiko, ia akan bersifat sedikit preskriptif. Pindaan Akta 514 ini akan membolehkan Malaysia menghadapi cabaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang berpunca daripada perkembangan teknologi terkini dan isu keselamatan dan kesihatan global seperti COVID-19 dengan lebih sistematik dan menyeluruh.

Tuan/Puan yang dihormati,

Penularan wabak COVID-19 telah mengakibatkan bukan sahaja krisis kesihatan sedunia tetapi juga krisis ekonomi pada skala yang tidak pernah dialami di peringkat global sejak tahun 1930-an. Negara kita tidak terkecuali daripada menerima kesan pandemik COVID-19, dengan 2.7 juta orang sehingga kini telah dijangkiti virus ini.

AMANAT



JABATAN KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Bagi merealisasikan pencapaian indikator prestasi yang disasarkan dalam OSHP25 dapat dicapai, aktiviti penguatkuasaan KKP pada tahun 2022 akan memberi fokus kepada sektor berisiko tinggi termasuk pembinaan, pembuatan serta pertanian yang merupakan penyumbang utama kepada kemalangan maut pekerjaan negara. Penguatkuasaan kesihatan pekerjaan juga akan diperkasa menerusi pemantapan strategi penguatkuasaan bagi isu ruang terkurung, pendedahan bising, pendedahan kepada bahan kimia dan isu ergonomik disamping pembangunan Sistem Pelaporan Bersepadu bagi Kemalangan dan Penyakit Pekerjaan. Selain itu, pengukuhan perundangan KKP berimpak tinggi juga akan diteruskan dengan cadangan pewartaan *OSH in Construction Industry (Management) Regulations* dan *OSH Risk Management Regulations*.

Kerajaan menerusi JKPP amat prihatin terhadap setiap kemalangan pekerjaan yang berlaku di tempat kerja di negara ini termasuk yang melibatkan jentera seperti lif, eskalator, kren bergerak dan kren menara. Penekanan yang sama berat juga diberikan kepada kes-kes keracunan dan penyakit pekerjaan, termasuk pendedahan kepada bahan kimia dan bunyi bising yang kebiasaannya bersifat kronik dan boleh mengancam kesihatan selepas terdedah untuk jangkama yang panjang kepada faktor risiko berkenaan yang ada kalanya mengambil masa 20 hingga 30 tahun untuk menunjukkan kesan secara klinikal.

Selain itu, JKPP juga telah mengadakan beberapa inisiatif termasuklah kajian pembangunan panduan berkaitan kesihatan mental di tempat kerja yang merupakan antara risiko KKP terkini yang perlu diberikan perhatian. Kajian ini akan menyediakan panduan am kepada industri berkenaan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan ketika pandemik/endemik dan juga membantu industri dalam pengurusan kesihatan mental secara holistik di tempat kerja.

Manakala, kemalangan bahaya besar seperti kebakaran, letupan dan pelepasan bahan toksik juga perlu sedaya upaya dicegah daripada terjadi. Pengurusan dan kawalan yang lebih efektif bagi menangani hazard kimia oleh semua pemegang taruh adalah sangat perlu. Sehubungan itu, saya dengan rasa penuh takzim meminta kerjasama semua pihak termasuk agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, pengamal KKP, majikan dan pekerja untuk berganding bahu serta bekerjasama dalam mengatur dan melaksana strategi bagi mencegah kemalangan dan penyakit pekerjaan.

Tuan/Puan yang dihormati,

Pada tahun 2022, melalui pelbagai inisiatif dan usaha berterusan, Jabatan menyasarkan kadar kemalangan pekerjaan negara akan terus dapat dikurangkan agar ianya setanding dengan negara maju. Justeru, saya memohon agar semua pihak dapat bersama-sama Jabatan untuk melaksanakan program KKP yang berkesan dan berimpak tinggi bagi mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif sekaligus mencegah kemalangan dan penyakit pekerjaan.

Akhir bicara dengan berbekalkan semangat dan azam tahun baru 2022 dan berteraskan semangat Keluarga Malaysia, saya menyeru seluruh majikan dan pekerja terutamanya untuk mempertingkatkan keazaman, inovasi, kreativiti, usaha, disiplin dan integriti agar kita dapat memastikan tahap KKP Negara terus dipertingkatkan ke arah yang lebih cemerlang. Dengan kombinasi di antara majikan yang prihatin, pekerja yang berkualiti dan produktif, sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang efektif serta keadaan persekitaran kerja yang kondusif, maka pastinya produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh sesebuah organisasi akan mencapai tahap produktiviti dan kualiti bertaraf dunia.

Dalam usaha kita merancang pada era yang penuh cabaran ini, JKPP perlu mendapat sokongan dari pelbagai pihak khasnya pengamal KKP dan NGO. Sehubungan dengan itu, saya meminta kerjasama semua pihak termasuk agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, pengamal KKP majikan dan pekerja untuk berganding bahu dan bekerjasama dalam mengatur serta melaksana strategi bagi memastikan kes kemalangan dan penyakit pekerjaan yang berlaku di negara ini dapat dicegah dan dikurangkan.

Kepada semua komuniti KKP di luar sana, sama ada majikan, pekerja, pengamal KKP dan NGO, saya mengucapkan **SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BAHARU 2022**. Semoga kita dapat meneruskan kerjasama erat ke arah mempertingkatkan tahap KKP bukan sahaja di Malaysia malahan di persada antarabangsa. Insya-Allah.

Ir. Zailee bin Dollah
Ketua Pengarah,
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia
1 Jan 2022